



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PERTANDINGAN TEATER BAHASA MELAYU SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA WADAH PERPADUAN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

**KUALA LUMPUR**, 24 Oktober 2024 – Bahasa Kebangsaan merupakan salah satu “tiang seri” dalam pembinaan negara bangsa yang menekankan kepada elemen kebersamaan dalam kalangan rakyat melalui bahasa. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) peringkat Kebangsaan di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tambah beliau, pertandingan ini menjadi wahana bagi menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul, indah dan tertib selain sarat dengan nilai-nilai murni dan teladan yang baik, sama ada secara tersurat mahupun secara tersirat melalui pementasan teater.

Di bawah Dasar Perpaduan Negara, Bahasa Melayu perlu terus dipelihara dan dimartabatkan sebagai Bahasa yang mencerminkan identiti nasional serta mampu menyimpul kukuh ikatan perpaduan negara yang berbilang bangsa sebagai bahasa pengantar utama. Untuk itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPN bagi memartabatkan Bahasa Melayu antaranya;

- i. **Penyediaan perkhidmatan rujukan maklumat Malaysiana** kepada masyarakat Malaysia melalui Perpustakaan Negara Malaysia;
- ii. Penganjurkan **Bengkel Bahasa Melayu untuk Ekspatriat** oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama daripada Kedutaan dan Pesuruhannya Tinggi;
- iii. Program **Kalam Karyawan** bagi mengetengahkan keunikan dan keistimewaan hasil karya tokoh ilmuan dan budayawan khususnya mereka yang mendapat pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara (SN);
- iv. Kursus Bahasa Melayu: Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa; dan
- v. Aktiviti bersama komuniti setempat bagi menyemarakkan **Bulan Bahasa Kebangsaan** melalui Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Sebanyak 15 buah pasukan terdiri daripada 145 orang murid daripada SJKC Zon Tengah, Utara dan Selatan telah menyertai pertandingan akhir pada hari ini. Program ini turut melibatkan kerjasama strategik daripada Persatuan Han Malaysia (HAN), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**Kementerian Perpaduan Negara**

24 Oktober 2024